

16/04/1999

Norian Mai dilantik KPN

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, 53, dilantik sebagai Ketua Polis Negara (KPN) yang baru, menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Noor, yang meletakkan jawatan pada 8 Januari lalu.

Pelantikan itu yang berkuat kuasa pada hari yang sama, diumumkan hari ini dalam satu kenyataan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdul Rahim meletakkan jawatan selepas Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, mengesahkan yang beliau bertanggungjawab terhadap kecederaan dialami bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika dalam tahanan polis pada 20 September lalu.

Bulan lalu, Rahim sendiri mengaku kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja yang menyiasat kecederaan itu bahawa beliau sendiri memukul Anwar.

Abdullah dalam kenyataannya berkata, dengan pelantikan Norian ke jawatan tertinggi polis itu, beberapa pertukaran di peringkat tertinggi polis akan dilaksanakan sedikit masa lagi.

Menurutnya, pelantikan Norian dibuat atas syor Suruhanjaya Polis dengan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sudah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Abdullah adalah Pengerusi Suruhanjaya Polis.

Sementara itu, ketika dihubungi Bernama hari ini, Norian melahirkan kesyukuran atas kepercayaan kerajaan terhadapnya untuk memimpin polis.

"Seperti biasa saya akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan tanggungjawab saya.

"Untuk mengetuai pasukan polis bukanlah tanggungjawab mudah kerana ia memerlukan persefahaman bukan saja daripada semua rakan pegawai dan anggota saya, malah juga kerjasama seluruh masyarakat," katanya.

Apabila ditanya mengenai pelantikannya dan arahan kerajaan baru-baru ini supaya polis memaparkan imej 'mesra rakyat', beliau berkata: "Saya akan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin berlandaskan undang-undang negara."

Norian mula menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 8 September 1969 selepas menamatkan latihan di Kolej Latihan Polis Kuala Kubu dengan pangkat Asisten Superintendan.

Selepas itu, beliau menjadi pegawai penyiasat sebelum dilantik sebagai Ketua Polis Daerah di Brickfields pada 1980 dan dinaikkan pangkat sebagai Asisten Komisioner pada 1982 ketika menjawat jawatan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya.

Beliau yang berasal dari Hilir Perak, Perak, kemudian dilantik sebagai Ketua Polis Terengganu pada 1984 selama dua tahun.

Ketika berpangkat Senior Asisten Komisioner II, beliau dilantik sebagai Pegawai Turus Cawangan Khas (SB) pada 1997 sebelum menjadi timbalan pengarah cawangan itu pada 1990 selama setahun.

Pada 31 Disember 1992, Norian dilantik sebagai Ketua Polis Selangor sebelum dilantik ke jawatan Pengarah SB pada 1 Januari 1994 dengan pangkat Komisioner. Ketika menjadi Pengarah SB, beliau berperanan penting membawa pemimpin al-Arqam, Ashaari Muhammad atau dikenali sebagai Abuya pulang ke Malaysia selepas bersembunyi di luar negara selama beberapa tahun.

Mulai 6 Mei 1997, Norian dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara, menggantikan Tan Sri Samsuri Arshad.

Norian mempunyai tiga anak, hasil perkahwinannya dengan Rokiah Ismail.

(END)

